

| | | | |
|-------------|----------------------|-------------|--------------------|
| Headline | MMC, JPB meterai MoU | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 08 Jan 2020 | Language | Malay |
| Circulation | 37,981 | Readership | 113,943 |
| Section | EKONOMI | Color | Black/white |
| Page No | 33 | ArticleSize | 89 cm ² |
| AdValue | RM 530 | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 1,589 | | |



MMC, JPB meterai MoU

KUALA LUMPUR: Anak syarikat milik penuh MMC CORPORATION BHD, Johor Port Bhd (JPB), memeterai memorandum persefahaman dengan FWQ Enterprises (Pvt) Ltd (FWQ), anak syarikat milik penuh FGV Holdings Bhd, untuk meneroka potensi penyertaan ekuiti sehingga 25 peratus dalam Fauji Akbar Portia Marine Terminals Ltd (FAP).

Pada 5 Julai, 2019, FAP, entiti yang diberikan konsesi oleh Port Qasim Authority dari Pakistan untuk mengendalikan terminal pukal kering di pelabuhannya, mempelawa pelabur berpotensi terpilih untuk melabur sehingga 25 peratus kepentingan ekuiti dalam syarikat itu bagi pengembangan masa depannya dan kerja-kerja menaik taraf di bawah konsesi tersebut.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia semalam, MMC berkata JPB dan FWQ berhasrat membentuk usaha sama tidak diperbadankan bagi tujuan untuk menyediakan dan menyerahkan dokumen Expression of Interest (EOI) kepada FAP. – Bernama